

Headline	Malaysia pinjamkan tapir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 May 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	49	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,088
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,265



Malaysia pinjamkan tapir

Kuala Lumpur: Tapir atau nama saintifiknya *tapirus indicus* dijangka dipinjamkan kepada China sebagai balasan dan tanda penghargaan langkah negara itu meminjamkan kepada Malaysia panda gergasi dari Chengdu, China iaitu Fu Wa dan Feng Yi yang tiba di sini, Rabu lalu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, perkara itu dibincangkan bersama Duta Besar China ke Malaysia Dr Huang Huikang dalam pertemuan persahabatan antara kedua-dua pemimpin baru-baru ini.

“Beberapa haiwan lain akan turut dipinjamkan bergantung kepada permintaan China, namun perkara itu belum ada kata putus.

“China sudah menyampaikan kepada saya, mungkin dua ekor akan dihantar dalam tempoh beberapa bulan dari sekarang,” katanya ketika ditemui di majlis pelancaran Pameran Herba Malaysia, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Zoal Azha Yusof dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

(FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Katanya lagi, harga tiket bagi melawat pasangan panda yang tiba di ibu negara Rabu lalu ditetapkan sebanyak RM20 bagi dewasa dan separuh harga bagi kanak-kanak.

Bagaimanapun, harga tiket itu dikenakan berasingan tiket masuk ke Zoo Negara yang berharga RM30.

“Harga tiket menyaksikan panda juga tidak dinaikkan pada masa akan datang dan masa melawat ditentukan Zoo Negara kelak,” katanya.



PALANIVEL (dua dari kiri) merasmikan Pameran Herba Malaysia, semalam.